

Subjek: **Cuti Gantian**  
Tracking ID: V3H-GDL-QRE4  
Status tiket: Selesai  
Dihantar pada: 10-12-2015 16:10:52  
Kemaskini: 16-12-2015 16:43:47  
Balasan terakhir: Razali bin Sidek (BS)  
Kategori: Kemudahan Cuti / Perubatan  
Nama: Peter Anak Nayup  
Saluran Aduan:  
Klasifikasi: Pertanyaan  
Kementerian:  
Jenis Perhubungan:  
No. Kad Pengenalan: 761109-14-6617  
No. Telefon / Bimbit: 014-5767523

Bolehkah baki Cuti Gantian pada tahun semasa boleh dibawa ke tahun hadapan seperti Cuti Rehat? Jika boleh, berapa hari boleh dibawa ke hadapan dan tempoh sah laku Cuti Gantian tersebut. Mohon pencerahan oleh pihak JPA berkenaan perkara tersebut supaya dapat disampaikan kepada Ketua Jabatan, pegawai-pegawai lain di pejabat serta perkongsian bersama rakan-rakan penjawat awam di jabatan lain.

Tarikh: 11-12-2015 08:57:28  
Nama: Farah Hanani binti Samsuddin (BS)

Salam sejahtera,

Pertanyaan tuan/ puan sedang dalam penelitian dan maklumbalas akan dikemukakan kepada pihak tuan/ puan selepas semakan dibuat.

Sekian, Terima kasih

Bahagian Saraan  
Jabatan Perkhidmatan Awam

Farah Hanani binti Samsuddin  
[farah.samsuddin.jpa@1govuc.gov.my](mailto:farah.samsuddin.jpa@1govuc.gov.my)

Tarikh: 15-12-2015 07:51:42  
Nama: Peter Anak Nayup

Salam Sejahtera,

Saya ada pertanyaan tambahan berkenaan Cuti Gantian dan bayaran Elaun Lebih Masa. Bolehkah Cuti Gantian dan Elaun Lebih Masa dituntut dalam bulan yang sama tetapi tarikh yang berlainan seperti contoh berikut :-

01-15 Hari bulan : Cuti Gantian  
16-30 Hari Bulan : Elaun Lebih Masa

Mohon pencerahan dari pihak JPA. Sekian, terima kasih.

Tarikh: 16-12-2015 16:37:58  
Nama: Razali bin Sidek (BS)

Jawapan:

Salam Sejahtera Encik Peter,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada pertanyaan tuan melalui tiket No. V3H-GDL-QRE4 bertarikh 10 Disember 2015 berhubung dengan kemudahan Cuti Gantian.

2. Sebagaimana dimaklumi, Perintah Am 40 Bab C Tahun 1974 telah menjelaskan bahawa seseorang pegawai yang tidak berkelayakan mendapat bayaran kerana bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain boleh diberi Cuti Gantian oleh Ketua Jabatan kerana diarahkan bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan. Untuk makluman puan (1) hari Cuti Gantian adalah bersamaan dengan 9 jam kerja-kerja lebih masa. Tiada had maksimum yang ditetapkan

bagi pegawai untuk memohon Cuti Gantian pada setiap tahun dan penggunaan Cuti Gantian tersebut adalah tidak tertakluk kepada tahun semasa. Walau bagaimanapun untuk makluman tuan Cuti Gantian tersebut hendaklah digunakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan diberi oleh Ketua Jabatan (sila rujuk perkara 5.2 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1980). Cuti Gantian tersebut akan dikira luput sekiranya tidak digunakan dalam tempoh 6 bulan tersebut. Adalah diharapkan penjelasan ini dapat menjawab persoalan yang tuan kemukakan.

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN SARAAAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Nota: Maklum balas yang dikemukakan ini hanya terpakai untuk persoalan yang dibangkitkan sahaja. Pihak JPA tidak bertanggungjawab terhadap penyebaran maklumat berhubung maklum balas yang dikemukakan bagi kegunaan/ kepentingan pihak lain

--- End of ticket ---